

Berjaya diberi kebenaran guna simbol Barisan

UM 11 SEP 1985

KUALA LUMPUR 10 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah mengeluarkan surat kebenaran kepada Berjaya membenarkan simbol Barisan Nasional dalam pilihanraya kecil Parlimen Hulu Padas pada 11 dan 12 Oktober ini.

Berjaya selaku Pengerusi Barisan Nasional telah menandatangani surat itu dengan menyatakan calon Berjaya yang bertanding dalam pilihanraya kecil itu adalah calon Barisan Nasional.

Setiausaha kerja BN, Encik Kamarulzaman Bahadun memberitahu Utusan hari ini, Datuk Sri Dr. Mahathir mengarahkan untuk menyerahkan surat itu kepada Presiden Berjaya, Datuk Mohamad Noor Mansor yang juga ditugaskan menjadi pengarah pilihanraya kecil itu bagi Barisan Nasional.

"Kami akan memberi sokongan seratus peratus kepada calon Berjaya yang di pilih untuk bertanding. Oleh kerana cuma Berjaya merupakan anggota komponen BN di Sabah, tidak ada sebab kami patut memberikan sokongan kepada parti lain kecuali Berjaya ditambahnya."

Encik Kamarulzaman berkata, seperti pada masa

lalu, kesemua parti komponen BN akan mengembeling tenaga dan menyediakan sebarang keperluan untuk membantu Berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Hulu Padas yang dikosongkan bulan lalu oleh bekas Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh yang juga bekas Presiden Berjaya.

Datuk Mohamad Noor Mansor di jangka akan mengumumkan calon Berjaya beberapa hari sebelum hari penamaan calon yang ditetapkan pada 19 September.

Ramalan telah dibuat tentang kemungkinan beliau sendiri bertanding merebut kerusi itu kerana setakat ini beliau belum mempunyai kerusi dalam mana-mana kawasan sama ada Parlimen atau Negeri setelah mengalami kekalahan kepada calon USNO, Datuk Yahya Lampung bagi kawasan Tempasuk dalam pilihanraya Negeri April lalu.

Pemerhati politik menyifatkan pilihanraya kecil itu sebagai satu ujian terhadap pengaruh Berjaya setelah mengalami kekalahan teruk dan hilang kuasa pemerintahan di tangan PBS dalam pilihanraya negeri ini.